



MOHAMED KHALED NORDIN
(BN) – Parlimen Pasir Gudang

Kemelut pemilihan Menteri Besar Johor

Banyak sangat cerita-cerita yang berkemundang dari orang Johor mengenai pertelingkahan siapakah bakal MBJ. Cerita-cerita ini berkisar sekeliling pencalonan Datuk Ghani Othman ke pusat dan datuk Khaled Nordin sebagai MBJ.

Angin ketika itu memang kuat dan sahih dari sumber-sumber yang dipercayai bahawa Khaled Nordin bakal menjadi MBJ. Semua pihak gembira kerana imej Khaled melalui didikan datuk Shahrir A Samad selaku "sifunya" mampu menjana Johor yang lebih progresif. Semua pihak mahupun pembangkang bersedia bekerjasama. Dalam pilihanraya ke-11 kali ini, Khaled Nordin akan mewakili DUN Tiram dan Ghani akan kepusat.

Tunggu punya tunggu, lain pula jadinya. Secara mengejut Ghani Othman dipindahkan ke DUN Serom dan Khaled Nordin ke Parlimen Pasir Gudang. Jika ini berlaku, mengikut tradisi Ghani bakal menerajui kepimpinan UMNO Johor sekaligus MBJ buat penggal ke dua ini.

Apakah sebenarnya alasan yang boleh diketengahkan mengenai kemelut ini?

Pelbagai cerita yang ditonjolkan oleh rakyat Johor samada suka atau tidak sukanya mengenai pemilihan mengejut ini. Sebaik sahaja berita ini tersebar, pada malam yang sama iaitu pada 19 mac 2004, kebanyakan pengundi dan rakyat Johor marah pada Ghani khususnya bagi pengundi Johor Bahru mahukan Ghani ke pusat. Habis semua poster dan kain banting Ghani di conteng dan dipebodohkan dengan pelbagai lukisan bagi menunjukkan kemarahan mereka.

Tetapi disebalik cerita-cerita yang didengari, ada satu cerita yang agak luarbiasa mengenai pencalonan Ghani sebagai MBJ. Dengar khabar katanya pihak Istana Johor ada campur-tangan mengenai pemergian Ghani Othman ke pusat atas alasan Ghani banyak kerja dan projek yang belum selesai yang ada kepentingan dengan Istana Johor. Samada cerita ini betul atau tidaknya atau sememangnya Ghani Othman

sengaja melambat-lambat projek Istana Johor supaya penahanan beliau ke pusat ada hubung-kaitnya.

Satu lagi cerita yang kedengaran ialah Istana Johor murka kerana penguguran "orang kita" seperti Datuk Ali Hassan bekas ADUN Tebrau dan Datuk Zainal Abidin bekas ADUN Batu Pahat. Suara yang didengar ialah bagi perlantikan sebagai MBJ tiada orang kita.

Soalnya, siapakah Datuk Khaled Nordin ? Bukankah beliau juga orang Johor? Soal siapa yang di pilih untuk memimpin Johor bukan soalnya Istana Johor boleh membuat keputusan tetapi Istana Johor sepatutnya memberikan sokongan. Soal Istana Johor tidak perlu memperlekehkan soal kepimpinan.

Dengar khabarnya datuk Hishamuddin juga telah dihalang oleh Istana Johor didala usaha berkompromi dengan Istana Johor.

Soal benar atau tidak cerita ini buka persoalannya tetapi yang lebih nyata ialah cerita ini keluar dari mulut orang Johor sendiri yang rapat dengan Ghani sendiri. Cerita ini hilang apabila tiba masa mengundi kerana masing-masing ada kewajipan dan tanggungjawab. Tetapi selepas keputusan dibuat dan Datuk Ghani Othman akan mengangkat sumpah sebagai MBJ tidak lama lagi maka cerita ini berbangkit semula.

Walauapapun yang berlaku, samada benar atau tidak cerita ini yang jelas imej Ghani telah sedikit sebanyak telah tercalar sebagai imej UMNO Johor yang kehilangan DUN Senggarang disebabkan kebodohan calon BN itu sendiri

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.